

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK ([English Version](#))

Sila baca **Helaian Pendedahan Produk** ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Kad Debit-i Hong Leong.

Pastikan anda juga membaca Terma dan Syarat Akaun dan Terma dan Syarat Kad Debit-i Hong Leong.



Kad Debit-i Hong Leong

Tarikh:

Kemas kini terakhir pada 30 Sep 2024

1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?

Kad Debit-i Hong Leong ini adalah suatu instrumen pembayaran yang membolehkan anda membuat bayaran bagi barangan dan perkhidmatan daripada akaun deposit anda di kedai dan perkhidmatan yang menyertai rangkaian VISA, Mastercard atau MEPS. Kad Debit-i ini juga membolehkan anda membuat pengeluaran wang tunai di Mesin Juruwang Automatik ("**ATM**"). Anda dikehendaki mengekalkan akaun deposit dengan kami, yang akan dipautkan kepada Kad Debit-i anda. Jika anda menutup akaun deposit di Hong Leong Islamic Bank Berhad ("**HLISB**"), anda tidak akan dapat melakukan sebarang transaksi melalui Kad Debit-i. Pemegang Kad hendaklah membaca dan memahami Terma dan Syarat Kad Debit-i Hong Leong sebelum menggunakan Kad Debit-i.

• **Pengeluaran Wang Tunai di ATM**

Mengeluarkan wang tunai di dalam dan luar negara daripada lebih 1 juta mesin ATM yang memaparkan logo MEPS, VISA, PLUS, MasterCard atau Cirrus.

• **Kemudahan Pembayaran**

Membuat pembelian di lebih 29 juta peniaga Visa dan Mastercard di dalam negara dan di seluruh dunia, serta peniaga MyDebit. Anda juga boleh membayar bil, memindahkan wang dan membuat pembelian dalam talian.

• **Penerimaan Tanpa Sentuhan Visa payWave/PayPass/MCCS**

Bayar dengan hanya satu lambaian – cara yang pantas, tanpa sentuhan dan mudah untuk membuat pembayaran.

• **Diskaun & Keistimewaan**

Nikmati diskaun eksklusif apabila menjamu selera, membeli-belah, melancong dan lain-lain lagi di peniaga terpilih hanya dengan menggunakan Kad Debit-i.

• **Keuntungan Bonus**

Perolehi Keuntungan Bonus pada Akaun Simpanan-i anda apabila anda menggunakan Kad Debit-i anda. Lebih banyak anda menggunakan Kad Debit-i anda, lebih tinggi Keuntungan Bonus yang diperolehi. Ini hanya terpakai jika anda pautkan Akaun Belian Runcit anda kepada Akaun Hong Leong Pay&Save-i.

• **Ciri Pelbagai Mata Wang**

Ciri Pelbagai Mata Wang atau "MCF" merujuk kepada mata wang asing yang disimpan dalam akaun HLISB anda yang diluluskan oleh HLISB untuk MCF yang membolehkan Pemegang Kad, antara lain:

- mempunyai mata wang asing yang diluluskan oleh HLISB dari semasa ke semasa;
- melaksanakan Transaksi Luar Negara dalam mata wang asing yang dipilih oleh Pemegang Kad;
- menukar satu (1) mata wang asing kepada mata wang asing lain dalam Akaun Pemegang Kad yang Diaktifkan MCF melalui cawangan Hong Leong Bank ("**HLB**")/HLISB atau HLB Connect.

Untuk mengelakkan keraguan, MCF hanya tersedia untuk Akaun yang Diaktifkan MCF yang dipegang oleh seorang Pemegang Akaun Perseorangan. Mata wang asing terkini yang diluluskan untuk MCF boleh didapati di Laman Sesawang HLISB > Deposit-i > Akaun Simpanan > Akaun Pay&Save-i.

Catatan:

(a) "**Transaksi Luar Negara**" bermaksud transaksi Kad Debit-i dan transaksi Kad ATM yang dilakukan oleh Pemegang Kad di luar Malaysia, dengan syarat Pemegang Kad telah memilih untuk membenarkan Transaksi Luar Negara dilakukan pada Kad Debit-i yang berkaitan.

(b) “**Akaun Diaktifkan MCF**” bermaksud akaun Pemegang Kad di mana MCF telah diupayakan, yang mungkin termasuk akaun yang dipautkan kepada Kad Debit-i.

(c) Kad Debit-i Multi Currency Hong Leong hanya dikeluarkan kepada pemegang Akaun Pay&Save-i Hong Leong di mana pemegang Akaun Pay&Save-i Hong Leong hanya boleh memautkan Akaun Pembelian Runcit kepada Akaun Pay&Save-i Hong Leong sahaja.

Kad Debit-i tidak boleh digunakan di mana-mana peniaga yang menyediakan barangan dan perkhidmatan tidak patuh Syariah dan/atau untuk apa-apa transaksi tidak patuh Syariah yang dikategorikan mengikut Kategori Peniaga yang berikut, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (a) Bars, Ruang Koktel, Disko, Kelab Malam dan Kedai Minuman Keras
- (b) Pakej Bir, Wain dan Minuman Keras
- (c) Kedai dan Gerai Cerut
- (d) Transaksi Perjudian
- (e) Pertaruhan - Perlumbaan Kuda, Perlumbaan Anjing, Pertaruhan Bukan Sukan Dalam Talian Antara Negeri
- (f) Perkhidmatan Janji Temu dan Teman Sosial

2. Prinsip-prinsip Syariah

Wakalah

Ini merujuk kepada kontrak di mana pihak prinsipal (muwakkil), membenarkan pihak lain sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan fi.

Ujrah

Ini merujuk kepada komisen atau fi yang dikenakan bagi kemudahan atau perkhidmatan yang diberikan.

3. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Untuk senarai penuh fi dan caj, sila layari laman web kami di www.hlisb.com.my/dci2 atau imbas kod dibawah.



4. Apakah terma dan syarat utama?

- (a) Sekiranya diperlukan oleh Peniaga Sah dan bergantung pada dana yang ada, amaun pra-kebenaran berikut akan dikenakan kepada Akaun Pembelian Runcit yang dipautkan dengan Kad Debit-i:
 - (i) RM200 sehingga tiga (3) hari bekerja untuk pembayaran yang dibuat untuk pembelian petrol di dispenser bahan bakar automatik;
 - (ii) amaun yang telah ditetapkan oleh perniaga yang diberi kuasa dan dipersetujui oleh anda untuk sebarang bayaran selain daripada pembelian petrol di dispenser bahan api automatik.
- (b) Amaun pra-kebenaran akan dikreditkan kembali dan amaun sebenar transaksi akan dicajkan ke Akaun Pembelian Runcit anda apabila penyelesaian diselesaikan oleh peniaga dalam masa dua puluh satu (21) hari atau tempoh lain yang mungkin diberitahu oleh HLISB.
- (c) Bagi pembelian petrol, anda boleh memilih untuk membayar dengan Kad Debit-i anda di kaunter juruwang kios petrol untuk mengelakkan penggunaan jumlah pra-kebenaran.

5. Bagaimana jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

Anda mestilah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah kehilangan Kad Debit-i.

1. Tanggungjawab Pemegang Kad:

- (a) mematuhi terma dan syarat bagi penggunaan Kad Debit-i;
- (b) mengambil langkah yang munasabah untuk menjaga keselamatan Kad Debit-i dan PIN pada setiap masa, termasuk di tempat kediaman Pemegang Kad. Ini termasuk tidak:
 - (i) mendedahkan butiran Kad Debit-i atau PIN kepada mana-mana pihak lain;
 - (ii) mencatat PIN di atas Kad Debit-i atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad;
 - (iii) menggunakan PIN yang dipilih daripada tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon Pemegang Kad; dan
 - (iv) membenarkan mana-mana pihak lain untuk menggunakan Kad Debit-i dan PIN.
- (c) memaklumkan kepada HLISB secepat mungkin setelah menyedari Kad Debit-i hilang, dicuri, satu transaksi tanpa kebenaran telah berlaku atau PIN mungkin telah dikompromi;
- (d) memaklumkan kepada HLISB dengan segera apabila menerima Notifikasi melalui aplikasi HLB Connect ("**HLB Connect App**") atau amaran transaksi melalui khidmat pesanan ringkas ("**SMS**") jika transaksi itu berlaku tanpa kebenaran;
- (e) memaklumkan kepada HLISB dengan segera sebarang perubahan pada nombor telefon Pemegang Kad Debit-i;
- (f) menggunakan Kad Debit-i dengan penuh tanggungjawab, termasuk tidak menggunakan Kad Debit-i untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang;
- (g) menyemak penyata akaun dan melaporkan sebarang percanggahan tanpa berlengah;
- (h) memastikan semua Transaksi Kad (termasuk transaksi luar negara) mematuhi Notis Dasar Pertukaran Asing ("**Notis FEP**") Bank Negara Malaysia ("**BNM**"). Pemegang Kad disarankan untuk membaca dan memahami Notis FEP di laman sesawang BNM di www.bnm.gov.my/fep untuk memastikan semua aktiviti yang menggunakan Kad Debit-i mematuhi Notis FEP pada setiap masa.

2. Anda akan bertanggungjawab untuk transaksi PIN tanpa kebenaran jika anda:

- (a) melakukan penipuan;
- (b) lewat untuk memberitahu HLISB secepat mungkin selepas mengetahui kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Debit-i anda;
- (c) mendedahkan PIN anda kepada orang lain secara sukarela; atau
- (d) mencatat PIN di atas Kad Debit-i atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad Debit-i anda.

3. Anda akan bertanggungjawab untuk transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan kad tanpa sentuhan, jika anda:

- (a) melakukan penipuan;
- (b) lewat untuk memberitahu HLISB secepat mungkin selepas mengetahui kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Debit-i anda;
- (c) meninggalkan Kad Debit-i anda atau benda yang mengandungi Kad Debit-i anda tanpa pengawasan di tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain;
- (d) membenarkan orang lain untuk menggunakan Kad Debit-i anda secara sukarela.
- (e) tidak memberi bekerjasama dengan HLISB dalam siasatan; atau
- (f) gagal melaksanakan kewajipan berikut seperti yang dimaklumkan oleh HLISB kepada Pemegang Kad:
 - i. Pemegang Kad tidak boleh mendedahkan maklumat perbankan mereka seperti identiti akses (ID) dan kod laluan kepada pihak ketiga
 - ii. Pemegang Kad hendaklah mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan peranti keselamatan mereka selamat pada setiap masa; atau
 - iii. Pemegang Kad hendaklah melaporkan sebarang pelanggaran keselamatan terhadap maklumat perbankan mereka atau kehilangan peranti keselamatan kepada HLISB sebaik sahaja Pemegang Kad menyedari pelanggaran atau kerugian tersebut.

4. Anda bertanggungjawab sepenuhnya atas segala transaksi ATM tanpa kebenaran.

6. Apakah risiko utama?

- Jangan gunakan PIN/kata laluan yang dipilih daripada tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon anda untuk mencegah penggunaan Kad Debit-i tanpa kebenaran sekiranya Kad Debit-i anda hilang/dicuri.
- Sekiranya, Kad Debit-i anda hilang atau dicuri, anda hendaklah serta-merta memberitahu Pusat Panggilan Hong Leong di **03-7626 8899** untuk menyekat penggunaan Kad Debit-i anda sebaik sahaja menyedari Kad Debit-i anda hilang/dicuri atau transaksi tanpa kebenaran telah dilakukan atau PIN telah dikompromi.
- Anda mesti memaklumkan HLISB sebaik sahaja menerima Notifikasi melalui aplikasi HLB Connect atau amaran transaksi melalui SMS jika transaksi itu berlaku tanpa kebenaran.
- Kegagalan untuk menyimpan Kad Debit-i anda, pendedahan PIN anda kepada pihak ketiga dan kelewatan dalam memberitahu HLISB apabila didapati kehilangan/kecurian/penipuan dalam penggunaan Kad Debit-i anda boleh menyebabkan anda menjadi mangsa kepada transaksi tanpa kebenaran yang mungkin anda bertanggungjawab.

7. Di manakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?

- (a) Untuk mendapat maklumat terbaharu dan terma & syarat produk kami secara lengkap, sila layari www.hlisb.com.my. Sekiranya terdapat percanggahan, maka maklumat terbaharu dan terma & syarat di dalam laman web HLISB akan diutamakan.
- (b) Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi Pusat Panggilan Hong Leong di **03-7626 8899**.
- (c) Untuk membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang ditawarkan, anda boleh menghubungi kami di: Customer Advocacy, Level 13A, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damansara, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
Telefon: 03-7626 8821. E-mel: customerservice@hlbb.hongleong.com.my

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika butiran perhubungan saya berubah?

Untuk memastikan segala surat-menyurat sampai ke tangan anda tepat pada waktunya, adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami jika terdapat sebarang perubahan dalam butiran perhubungan dan/atau peribadi anda. Ini boleh dilakukan dengan mengunjungi mana-mana cawangan HLB/HLISB atau menghubungi Pusat Panggilan Hong Leong di **03-7626 8899** untuk mengemas kini butiran perhubungan dan/atau peribadi anda.

9. Pakej-pakej Kad Debit-i lain yang disediakan

Kad Debit-i Junior Hong Leong

10. Fungsi Transaksi Tanpa Sentuhan

- **Had Transaksi Tanpa Sentuhan**
Transaksi tanpa sentuhan tanpa pengesahan PIN dihadkan pada Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250) (“**Had Transaksi Tanpa Sentuhan**”). Untuk transaksi tanpa sentuhan RM250 dan kebawah, anda tidak perlu memasukkan PIN anda selepas menyentuh atau mengimbas Kad Debit-i anda pada pembaca tanpa sentuhan. Untuk transaksi tanpa sentuhan melebihi RM250, anda dikehendaki untuk membuat pengesahan PIN.
- **Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan**
Kumulatif transaksi tanpa sentuhan tanpa pengesahan PIN dihadkan pada RM800 setiap hari atau had lain yang mungkin anda tetapkan (“**Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan**”). Kumulatif transaksi tanpa sentuhan tanpa pengesahan PIN dihadkan pada RM800 setiap hari atau had lain yang mungkin anda tetapkan (“**Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan**”). Untuk keselamatan tambahan, sebarang transaksi tanpa sentuhan tanpa pengesahan PIN yang mencapai Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan akan dibatalkan dan anda akan diminta untuk membuat transaksi dengan pengesahan PIN di terminal Tempat Jualan untuk meresetkan Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan. Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan anda akan diresetkan secara automatik setiap hari dan/atau pada bila-bila masa anda membuat transaksi dengan pengesahan PIN.

- **Menetapkan Had Transaksi**

Anda boleh menetapkan Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan anda dari RM0 hingga RM800 melalui HLB Connect, menghubungi Pusat panggilan Hong Leong atau mengunjungi mana-mana cawangan HLISB/HLB. Had Transaksi Tanpa Sentuhan dan Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan akan tertakluk kepada dan tidak akan melebihi Had Pembelian Runcit Harian yang telah anda tetapkan. Contoh:

Had Pembelian Runcit	Had Transaksi Tanpa Sentuh	Had Kumulatif Tanpa Sentuh
RM100	RM100	RM100
RM300	RM250	RM300
RM1,000	RM250	RM800

11. Panduan Keselamatan Pemegang Kad Debit PIN & BAYAR

Anda, dan mana-mana pemegang kad tambahan, dikehendaki mengambil semua langkah yang sewajarnya untuk mencegah Kad Debit-i dan nombor kad, PIN, kata laluan atau sebarang butiran keselamatan lain untuk kad atau akaun (“butiran keselamatan kad”) daripada disalahgunakan atau digunakan untuk melakukan penipuan.

Langkah-langkah pencegahan ini merangkumi:

- tandatangan pada Kad Debit-i apabila ia diterima dan patuhi sebarang arahan keselamatan;
- lindungi Kad Debit-i, PIN, dan sebarang butiran keselamatan Kad Debit-i;
- jangan benarkan sesiapa mengambil atau menggunakan Kad Debit-i;
- musnahkan sebarang maklumat PIN dan sebarang butiran keselamatan Kad Debit-i;
- jangan tulis PIN atau mendedahkan maklumat keselamatan Kad Debit-i tersebut kepada sesiapa termasuk pihak polis dan/atau kakitangan HLB/HLISB;
- jangan benarkan sesiapa melihat PIN anda semasa anda memasukkannya atau ia dipaparkan;
- jangan mengubahsuai Kad Debit-i;
- semak selalu Kad Debit-i untuk memastikan ia masih di dalam simpanan anda;
- simpan resit Kad Debit-i dan lupuskannya ia dengan cermat;
- hubungi kami jika ada sebarang perkara yang mencurigakan atau masalah mengenai penggunaan Kad Debit-i di terminal; dan
- semak penyata anda dengan kerap dan laporkan sebarang aktiviti yang mencurigakan dengan segera.

Anda dikehendaki memaklumkan kepada kami dengan segera jika:

- kad Debit-i anda hilang/dicuri;
- PIN anda telah terdedah/dikompromi;
- Kad Debit-i anda ditahan oleh ATM; atau
- alamat atau butiran perhubungan anda telah bertukar.

Anda dikehendaki memilih atau menukar PIN anda kepada nombor yang dipilih oleh anda, sebelum PIN boleh digunakan untuk sebarang transaksi. Pilihan PIN anda mestilah angka yang boleh mengurangkan kemungkinan ia dapat diteka oleh orang lain. Anda perlu mengelakkan PIN yang tidak sesuai seperti:

- tarikh lahir, bulan atau tahun dalam sebarang bentuk atau kombinasi;
- nombor berturutan (seperti 345678) dan gabungan nombor yang mudah dikenali (seperti 111111);
- sebarang kumpulan nombor yang dicetak di atas Kad Debit-i anda; atau
- lain-lain nombor peribadi yang mudah diperoleh seperti sebahagian daripada nombor telefon peribadi, nombor kad pengenalan atau lain-lain data peribadi.

Pra-Kebenaran Kad untuk Urusniaga Pembelian Runcit yang Dibuat dengan Peniaga Sah

- Apakah yang berlaku apabila saya menggunakan Kad Debit-i dengan Peniaga Sah yang meminta pra-kebenaran?
Apabila anda menggunakan Kad Debit-i anda dengan Peniaga Sah, peniaga tersebut akan membenarkan jumlah pra-kebenaran ketika membuat transaksi. Ini dilakukan dengan menghantar amaun pra-kebenaran pada Kad Debit-i kepada pengeluar kad tersebut.

- Apakah maksud pra-kebenaran?
Pra-kebenaran adalah pegangan sementara sejumlah amaun tertentu daripada baki tersedia pada kad bayaran tersebut. Ia bagi mengesahkan bahawa kad tersebut adalah aktif dan mempunyai dana yang mencukupi untuk transaksi.
- Berapakah amaun pra-kebenaran atas Kad Debit-i saya?
Amaun pra-kebenaran yang ditetapkan untuk pembelian petrol di pam layan diri adalah RM200 dan amaun pra-kebenaran untuk transaksi pembelian runcit yang lain adalah amaun transaksi yang ditetapkan oleh Peniaga Sah dan dipersetujui oleh anda.
- Bagaimana jika amaun sebenar yang diurus niagakan adalah kurang daripada amaun pra-kebenaran?
Amaun pra-kebenaran bukan caj dan tidak ada dana yang didebitkan dari akaun Kad Debit-i, tetapi baki yang terdapat di dalam akaun Kad Debit-i dikurangkan buat sementara waktu mengikut amaun pra-kebenaran. Setelah anda berurusan niaga, amaun sebenar akan dihantar ke bank pengeluar anda. Pada ketika ini, amaun sebenar akan didebitkan dari akaun Kad Debit-i dan amaun pra-kebenaran akan dijelaskan. Walau bagaimanapun, ini mungkin mengambil masa sehingga dua puluh satu (21) hari selepas transaksi dan pra-kebenaran berlaku.
- Bagaimanakah jika dana tersedia saya kurang dari jumlah pra-kebenaran atau jika saya mahu mengelakkan pegangan dana atas kad saya?
Anda tidak boleh meneruskan transaksi anda jika amaun pra-kebenaran lebih daripada dana anda. Jika anda mahu mengelakkan pra-kebenaran untuk pembelian petrol di pam layan diri, anda dinasihatkan agar membuat bayaran di kaunter juruwang di mana amaun belian sebenar akan ditolak daripada akaun anda.

Kad Debit-i dengan Ciri Tanpa Sentuhan

Kad tanpa sentuhan adalah cara yang pantas, senang dan mudah untuk anda membuat bayaran dan pembelian harian dengan cepat dan selamat dengan hanya menyentuh Kad Debit-i tanpa sentuhan apabila anda melihat simbol universal tanpa sentuhan.

- **Bagaimana kad tanpa sentuhan saya berfungsi?**
Fungsi tanpa sentuhan merangkumi cip komputer yang terbenam dengan antena yang menghantar isyarat transaksi tanpa wayar dalam jarak dekat tanpa sentuhan langsung di antara terminal peniaga dan Kad Debit-i tanpa sentuhan. Untuk membuat pembayaran, anda hanya perlu menyentuh kad anda pada terminal pembaca kad apabila diarahkan. PIN atau tandatangan tidak diperlukan untuk transaksi tanpa sentuhan yang berjumlah sehingga RM250 di Malaysia.

Ciri-ciri Keselamatan

- Kad Debit-i sentiasa di tangan anda
Langkah keselamatan paling mudah untuk Kad Debit-i tanpa sentuhan adalah ia sentiasa berada di tangan anda. Disebabkan kad berada didalam kawalan anda, orang lain tidak akan berpeluang untuk melakukan leretan berganda atau membuat salinan Kad Debit-i semasa anda tidak melihat.
- Cip selamat untuk menghalang pemalsuan
Kad Debit-i tanpa sentuhan adalah selamat sama seperti mana-mana kad debit lain yang dikuasakan oleh cip dan memiliki tahap keselamatan pelbagai peringkat untuk menghalang pemalsuan. Setiap transaksi tanpa sentuhan mempunyai kod unik yang dijana oleh cip yang terdapat di dalam Kad Debit-i yang berubah dengan setiap pembelian. Sekaligus menghalang penipu daripada menggunakan semula maklumat yang dibaca daripada cip untuk membuat pembayaran.
- Pengesahan pelanggan untuk pembelian bernilai lebih tinggi
Memandangkan teknologi tanpa sentuhan direka untuk menawarkan kepantasan and kemudahan kepada pemegang kad semasa di kaunter juruwang, anda tidak perlu menandatangani atau memasukkan PIN untuk transaksi tanpa sentuhan yang berjumlah sehingga RM250 di Malaysia. Sekiranya jumlah transaksi melebihi RM250, anda masih boleh mengimbas Kad Debit-i tetapi akan dikehendaki memasukkan PIN anda atau akan diminta menandatangani resit.
- Tiada Liabiliti Pemegang Kad untuk Pembelian Tanpa Sentuhan
Seandainya berlaku penipuan, anda tidak akan diminta bertanggungjawab untuk caj penipuan tersebut atau pembelian tanpa kebenaran yang dibuat menggunakan ciri tanpa sentuhan pada cip kad anda. Anda perlu memaklumkan kami

dengan segera atau secepat mungkin tentang sebarang penggunaan Kad Debit-i tanpa kebenaran atau aktiviti yang mencurigakan. Walau bagaimanapun, anda akan dipertanggungjawabkan ke atas pembelian tanpa kebenaran jika anda cuai dalam melindungi Kad Debit-i atau PIN anda.

Soalan Lazim

- 1. Bolehkah saya membuat bayaran tanpa disedari apabila saya melintasi terminal pembaca tanpa sentuh?**Kad Debit-i tanpa sentuhan mestilah berada dalam jarak paling dekat bagi membolehkan pembaca tanpa sentuhan di kaunter juruwang untuk berfungsi. Kad Debit-i tanpa sentuhan anda hanya boleh digunakan apabila ia berada dalam jarak 4 sm dari terminal pembaca kad. Selain daripada itu, terminal pembaca perlu diaktifkan oleh juruwang dan ini hanya akan berlaku semasa menerima bayaran. Jika terminal pembaca tanpa sentuhan tidak memproses sebarang transaksi, ia tidak akan membaca sebarang kad yang berada berhampiran dengannya secara tidak sengaja.
- 2. Apakah yang berlaku jika saya menyentuh Kad Debit-i saya dua kali pada terminal pembaca kad tanpa sentuhan?**

Terminal pembaca kad tanpa sentuhan hanya boleh memproses satu transaksi pada satu-satu masa. Walaupun Kad Debit-i tanpa sentuhan telah disentuh lebih daripada sekali, anda hanya akan dibil sekali sahaja untuk transaksi tersebut.
- 3. Apakah yang berlaku jika saya memiliki lebih daripada satu Kad Debit-i di dalam dompet dan saya menyentuh dompet saya pada terminal pembaca kad tanpa sentuhan?**

Jika anda memegang Kad Debit-i anda di hadapan terminal pembaca kad dan anda mempunyai kad lain berhampiran, pembaca kad mungkin akan mengesan lebih daripada satu kad dan bayaran tersebut tidak akan

Maklumat yang terdapat di dalam Helaiian Pendedahan Produk ini adalah sah pada 30 September 2024.